

06/03/2003

Perhimpunan Agung Umno dijangka 19 Jun

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Agung Umno akan datang dijangka diadakan pada 19 hingga 21 Jun depan, kata Setiausaha Eksekutif Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Beliau berkata, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam akan mengemukakan cadangan tarikh itu kepada Majlis Tinggi (MT) untuk diluluskan.

Katanya, jika dipersetujui, Perhimpunan Wanita, Pergerakan Pemuda Umno dan Puteri Umno akan diadakan serentak pada 18 Jun dengan perasmiannya pada malam sebelumnya.

"Seperti biasa, Perhimpunan Agung Umno akan didahului mesyuarat khas MT yang akan dipengerusikan Presiden pada 18 Jun," katanya, semalam.

Sebelum ini, ada mencadangkan supaya Perhimpunan Agung Umno Jun ini ditunda kepada tarikh yang sesuai dengan persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti akhir tahun ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata tidak ada sebab mengapa Perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan Jun ini ditunda kepada Oktober, menjelang tarikh persaraannya.

Tengku Adnan juga berkata, Jawatankuasa Pengurusan Um-no mengarahkan ibu pejabat parti supaya memantau permohonan menubuhkan cawangan baru bagi memastikan ia benar-benar perlu.

"Pada masa ini ada 300 permohonan yang masih diproses. Kita perlu memastikan ada keperluan untuk mewujudkan cawangan baru sedangkan dalam kawasan hanya ada 200 ahli," katanya.